

**JOURNAL OF TOURISM, HOSPITALITY
AND ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHER)**www.jthem.com**HUBUNG KAIT KESANGGUPAN UNTUK MEMBAYAR (WTP)
DAN RUANG KELIARAN PELANCONG DI KUNDASANG -
RANAU, SABAH***RELATIONSHIP BETWEEN WILLINGNESS TO PAY (WTP) AND TOURISTS'
CIRCUITS IN KUNDASANG-RANAU, SABAH*

Jabil Mapjabil¹, Kasim Mansur², Gaim Lunkapis³, Harifah Mohd Noor⁴, Badariah Ab Rahman⁵,
Najib Bahari⁶, Nabila Farysha Dering⁷

- ¹ Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: jabil@ums.edu.my
- ² Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: kmansur@ums.edu.my
- ³ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: gaim@ums.edu.my
- ⁴ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: harifah@ums.edu.my
- ⁵ Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: badariah_abraham@ums.edu.my
- ⁶ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: najibbahari.nb@gmail.com
- ⁷ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: nabilafarysha97@gmail.com

Article Info:**Article history:**

Received date: 16.11.2020
Revised date: 30.11.2020
Accepted date: 18.12.2020
Published date: 23.12.2020

Abstrak:

Artikel ini bertujuan untuk meneliti tentang hubung kait kesanggupan untuk membayar dan ruang keliaran pelancong di Kundasang-Ranau, Sabah. Pendekatan kajian yang digunakan adalah penilaian dan kajian kes. Kajian ini melibatkan penggunaan kaedah kuantitatif melalui tinjauan borang soal selidik terhadap 150 orang responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti status perjalanan pelancong ke destinasi pelancongan terpilih di Kundasang-Ranau adalah ditetapkan secara persendirian iaitu 131 orang responden (87.3%). Manakala status perjalanan ke destinasi pelancongan yang ditetapkan oleh pakej pelancongan seramai 11 orang responden (7.3%) dan yang ditetapkan oleh organisasi atau institusi pula adalah seramai lapan orang (5.3%). Seramai 105 responden (70%) menyatakan bahawa harga yuran masuk

To cite this document:

Mapjabil, J., Mansur, K., Lunkapis, G., Mohd Noor, H., Ab Rahman, B., Bahari, N., & Dering, N. F. (2020). Hubung Kait Kesanggupan Untuk Membayar (WTP) Dan Ruang Keluaran Pelancong Di Kundasang-Ranau, Sabah. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 5 (21), 212-223.

DOI: 10.35631/JTHERM.5210013.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



ke destinasi pelancongan adalah mempengaruhi keputusan mereka untuk menentukan destinasi pelancongan yang mereka kunjungi. Seterusnya, kriteria utama yang diambil kira oleh pelancong untuk memilih destinasi pelancongan adalah memilih destinasi yang belum pernah mereka kunjungi iaitu seramai 59 orang (59.3%). Hasil kajian turut mendapati ruang keluaran pelancong bukan semata-mata dipengaruhi oleh kesanggupan pengunjung membayar ke satu-satu destinasi yang dikunjungi tetapi turut dipengaruhi oleh jenis status perjalanan yang dipilih.

Kata Kunci:

Kesanggupan Untuk Membayar, Ruang Keluaran Pelancong, Status Perjalanan

Abstract:

This article aims to examine the relationship between willingness to pay and tourists' circuit in Kundasang-Ranau, Sabah. The research approach used was the evaluation and case study. This study involves the use of quantitative methods through a survey questionnaire of 150 respondents. The result shows that the majority of the tourists' travel status to selected tourism locations in Kundasang-Ranau were decided personally by the tourists themselves which are 131 respondents (87.3%). The status of travel to tourist destinations set by tourism package was 11 respondents (7.3%) and travel set by the organization or institution was eight people (5.3%). A total of 105 respondents (70%) stated that the price of the entrance fees to tourist destinations influenced their decision to determine the tourist destination they visit. Next, the main criterion taken into account by tourists in choosing a tourist destination is the destination that they have never visited, which is 59 people (59.3%). The results of the study also found that tourists' circuit is not only influenced by the willingness of visitors to pay to a certain destination but also influenced by the type of travel status chosen.

Keywords:

Willingness to Pay, Tourists' Circuits, Travel Status

Pengenalan

Kesanggupan untuk membayar (*willingness to pay* - WTP) bermaksud harga atau nilai bayaran maksimum yang seseorang pelanggan bersetuju atau sanggup membayar untuk suatu kuantiti produk atau perkhidmatan yang disediakan (Krishna, 1991). WTP adalah harga tertinggi seseorang bersedia dan rela untuk membayar bagi mendapatkan suatu manfaat baik berupa barangan atau perkhidmatan yang menjadi penanda aras seberapa besar seseorang itu menghargai barang atau perkhidmatan tersebut. Sofyan dan Herlina (2015) menegaskan bahawa kesanggupan membayar bermaksud kerelaan seseorang membayar untuk keadaan persekitaran atau penilaian terhadap sumber dan perkhidmatan alam semula jadi yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti persekitaran yang dapat memenuhi standard yang diinginkan.

Setiap kesanggupan untuk membayar oleh seseorang adalah berbeza-beza berdasarkan beberapa faktor yang menjadi pemboleh ubah dan ia merupakan salah satu cara yang terbaik dalam menyelesaikan masalah permintaan pada waktu tertentu. Pada masa ini, peranan kajian mengenai kesanggupan untuk membayar dikembangkan dalam aktiviti pelancongan kerana sifatnya mampu memberikan penyelesaian dari segi penetapan harga berdasarkan kesanggupan seseorang. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan WTP ini terus berkembang seperti

keadaan ekonomi, pasaran baharu sesuatu produk, penetapan harga peribadi pengguna, keperluan dalam pengguna yang berbeza, kesedaran mengenai suatu produk atau perkhidmatan dan kualiti suatu produk atau perkhidmatan (Cambell, 2020).

Menurut John (2006), kesanggupan untuk membayar (WTP) adalah asas teori ekonomi yang bernilai. Beliau menegaskan sekiranya terdapat idea yang bernilai dalam sesuatu perkara, maka idea tersebut bernilai untuk dibayar. Perkara ini dikaitkan dengan sumber alam sekitar seperti kualiti air dan alam semula jadi seperti hutan simpan, gunung ganang, sungai dan sebagainya. Beliau mengandaikan nilai alam sekitar adalah bersifat antropogenik. Oleh itu, kaedah ekonomi digunakan dalam membuat anggaran kesanggupan untuk membayar terhadap perubahan dalam tahap kualiti alam sekitar, penggunaan dan sebagainya. Menurut Jabil et al. (2020b), idea dan kajian tentang kesanggupan untuk membayar untuk memasuki satu-satu destinasi ekopelancongan di Malaysia adalah masih baharu berbanding di negara Barat. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti tentang hubung kait kesanggupan untuk membayar dan ruang keliaran pelancong di Kundasang-Ranau, Sabah.

Tinjauan Literatur

Kajian tentang kesanggupan untuk membayar adalah salah satu isu yang dikaji dalam bidang pelancongan. Terdapat beberapa kajian tentang WTP dan pelancongan baik di peringkat global (contohnya, Pragaya, 2017; Rodella et al., 2019 dan Witt, 2019) mahupun peringkat nasional seperti Nur Faizah (2011) dan Nor Afiza et al. (2016). Antaranya Kajian mengenai kesanggupan untuk membayar dalam kalangan pelancong telah dilakukan di lima kawasan yang dilindungi di Mexico iaitu Calakmul, Coba, Palenque, Sian Ka'an dan Yum Balam. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kadar kesanggupan pelancong untuk membayar yuran masuk ke kawasan yang dilindungi ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengunjung bersedia untuk membayar yuran masuk yang lebih tinggi dengan kadar kesediaan maksimum untuk membayar dalam anggaran 2.8 hingga 9.8 kali ganda berbanding yuran semasa iaitu antara AS \$ 15.70 hingga AS \$ 25.83. Oleh itu, kajian ini dapat membantu dalam meningkatkan pendapatan melalui kenaikan yuran secara sederhana tetapi dalam masa yang sama tidak menyebabkan penurunan jumlah pengunjung yang melawat ke kawasan berkenaan (Witt, 2019).

Kajian mengenai kesanggupan untuk membayar dalam sektor pelancongan turut dijalankan di Mauritius iaitu sebuah kepulauan yang terletak di Lautan Hindi. Kajian ini bertujuan untuk menangani masalah kesanggupan untuk membayar serta memberi tumpuan secara eksklusif terhadap wang penilaian aktiviti rekreasi pelancong di Mauritius. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat potensi yang tinggi untuk pelancong membayar lebih daripada jumlah biasa ketika mengunjungi pulau ini. Dalam kajian ini, data mengenai kadar kesanggupan untuk membayar dikumpul daripada pelancong yang datang dari 21 negara yang berbeza. Hasil kajian menunjukkan bahawa setiap pelancong mungkin sanggup untuk membayar \$38, iaitu mewakili 5% lebih daripada jumlah yang sepatutnya dibayar oleh pelancong ketika mengunjungi pulau ini. Kenaikan jumlah bayaran ini secara tidak langsung dapat membantu memelihara aset pelancongan di pulau tersebut (Sobhee, 2008).

Seterusnya, kajian mengenai kesanggupan untuk membayar telah dijalankan di destinasi pelancongan di Gunung Huashan, China yang merupakan destinasi pelancongan tanah tinggi. Kajian ini membincangkan tentang kesanggupan untuk membayar dalam kalangan pelancong bagi kos perlindungan ekologi alam sekitar di kawasan pergunungan berkenaan. Hasil kajian

menunjukkan kebanyakan pelancong bersedia untuk membayar kos perlindungan ekologi persekitaran dengan kadar yang lebih tinggi di Gunung Huashan terutamanya dalam kalangan penjawat awam, bekerja sendiri, graduan ijazah serta mereka yang mempunyai pendapatan bulanan keluarga dalam jumlah 8,000 yuan hingga 10,000 yuan. Hal ini adalah disebabkan oleh kesedaran pelancong terhadap kepentingan perlindungan alam sekitar yang semakin meningkat dari hari ke hari. Kesanggupan untuk membayar pelancong terhadap Gunung Huashan ini adalah agar mereka dapat menikmati persekitaran yang lebih baik serta pemandangan yang lebih indah sepanjang masa, selain generasi akan datang dapat menikmati persekitaran ekologi yang kekal mempersonakan serta tidak mahu pemandangan semula jadi yang indah dan sumber pelancongan yang berharga itu hilang atau musnah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kesanggupan untuk membayar pelancong berkait rapat dengan keinginan untuk memastikan keindahan pemandangan serta persekitaran yang lebih baik di destinasi pelancongan yang dikunjungi (Wenjing, 2013).

Di Malaysia, kajian berkaitan dengan kesanggupan untuk membayar dijalankan di Taman Negara Endau Rompin. Kajian ini mendapati bahawa pengunjung sanggup membayar untuk sebahagian daripada caj bayaran. Kajian menunjukkan purata kesanggupan untuk membayar caj masuk adalah sebanyak RM5.58 dan kesanggupan menyumbang kepada tabung pemuliharaan adalah sebanyak RM3.22. Kajian ini turut mendapati bahawa peranan menjaga sumber semula jadi adalah tanggungjawab pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan (Mohd Azamrul, 2007). Kajian mengenai kesanggupan untuk membayar ini turut dijalankan di Pulau Langkawi. Kajian WTP yang dijalankan adalah untuk menilai tahap kesanggupan membayar bagi menjalankan kegiatan pemuliharaan sumber alam semula jadi di Taman Georimba Karst (KKGK). Kajian ini mendapati persepsi dan sikap adalah mempengaruhi kesanggupan untuk membayar oleh seseorang pelancong (Nur Faizah, 2011). Hun dan Anuar (2014) pula meneliti tentang WTP bagi kemudahan perkhidmatan ekopelancongan awam, iaitu Taman Negara dan Zoo Negara di Malaysia. Hasil kajian mereka mendapati kemudahan jalan ke Taman Negara adalah tidak memuaskan dan bayaran tiket yang dikenakan untuk perkhidmatan bot adalah terlalu tinggi.


Di Sabah, kajian berkaitan dengan kesanggupan untuk membayar telah dilakukan di Teluk Marudu, Sabah. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kesediaan membayar (WTP) masyarakat pesisir di Teluk Marudu, Sabah untuk mengembangkan kawasan paya bakau sebagai destinasi ekopelancongan. Soal selidik telah diedarkan kepada 400 orang responden dari kampung pesisir terpilih berkaitan dengan kesanggupan mereka untuk membayar sama ada mereka bersedia membayar harga tawaran iaitu sebanyak RM5, RM10, RM15, RM20 atau RM30 untuk pemuliharaan ekosistem paya bakau (Musa et al., 2020).

Metodologi Kajian

Kajian tentang hubungan kesanggupan untuk membayar dan ruang keliaran pelancong ketika berkunjung ke beberapa destinasi terpilih di Kundasang - Ranau ini melibatkan reka bentuk penilaian dan kajian kes. Pengkaji ingin menilai dan meneliti perkaitan kesanggupan untuk membayar dengan ruang keliaran pelancong serta perkaitan kadar bayaran yuran dalam mempengaruhi hala tuju perjalanan pelancong dan kriteria utama yang diambil kira oleh responden dalam memilih destinasi pelancongan. Sehubungan dengan itu, pemilihan kajian kes di Kundasang - Ranau adalah relevan kerana lokasi ini menjadi tumpuan pelancong sepanjang tahun. Dalam kajian ini, seramai 150 orang responden terlibat dan mereka dipilih secara rawak.

Kawasan Kajian

Kawasan kajian utama terletak di Kundasang, Sabah. Kundasang merupakan sebuah petempatan di daerah Ranau yang terletak dalam kawasan Banjaran Crocker yang mempunyai ketinggian sekitar 4,000 kaki hingga 6,000 kaki dari aras laut (Ramzah & Amriah, 2008). Jarak Kundasang dari pekan Ranau adalah 15 kilometer. Kawasan ini mempunyai beberapa buah kampung utama, iaitu Lembah Permai, Cinta Mata, Kaulan, Sinisian, Dumpiring dan Kinasaraban. Jarak pusat bandar Kota Kinabalu ke Kundasang pula dianggarkan sekitar 92 kilometer. Lima destinasi pelancongan yang dikaji di Kundasang adalah Taman Kinabalu, Strawberry Garden, Kundasang War Memorial, Desa Dairy Farm dan Mesilou Cat Village manakala dua lokasi kajian di Ranau adalah Arnab Village dan Tagal Sg. Mosoli, Kampung Luanti (Tagal Luanti) (Rajah 1).



Rajah 1: Lokasi Destinasi Pelancongan yang Dikaji di Kundasang - Ranau, Sabah

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Perkaitan Kesanggupan Membayar dan Ruang Keliaran Pelancong

Status Perjalanan Responden ke Destinasi Pelancongan

Berdasarkan Jadual 1, status perjalanan responden ke destinasi pelancongan yang dikaji terbahagi kepada tiga kategori yang berbeza. Majoriti status perjalanan responden ke destinasi pelancongan ini adalah ditetapkan secara persendirian iaitu 131 orang responden (87.3%). Jumlah ini menunjukkan bahawa sistem perhubungan ke destinasi pelancongan adalah baik yang membolehkan pelancong bergerak secara bersendirian dan memilih destinasi pelancongan yang hendak dituju. Seterusnya, status perjalanan ke destinasi pelancongan yang ditetapkan oleh pakej pelancongan iaitu seramai 11 orang responden (7.3%). Selain itu, status perjalanan responden ke destinasi pelancongan yang ditetapkan oleh organisasi atau institusi adalah seramai lapan orang (5.3%). Cooper (2003) menegaskan kemudahan pengangkutan yang disediakan di destinasi pelancongan adalah sangat penting untuk memudahkan pergerakan pelancong untuk tiba ke satu-satu destinasi yang dituju.

Jadual 1: Status Perjalanan Responden

Status Perjalanan	Bilangan	Peratus
Perjalanan ditetapkan dalam pakej pelancongan	11	7.3%
Perjalanan ditetapkan oleh organisasi (universiti, sekolah, jabatan)	8	5.3%
Perjalanan ditetapkan secara bersendirian	131	87.3%
Jumlah	150	100%

Perkaitan Kadar Bayaran dan Hala Tuju Perjalanan Responden

Jadual 2 menunjukkan perkaitan kadar bayaran dalam mempengaruhi penentuan lokasi yang dikunjungi oleh responden di kawasan destinasi pelancongan. Hasil kajian menunjukkan seramai 105 orang responden (70%) menyatakan bahawa kadar bayaran yuran menentukan lokasi destinasi pelancongan yang mereka hendak dikunjungi. Namun begitu, seramai 45 orang responden (30%) pula berpendapat bahawa kadar bayaran yuran tidak mempengaruhi pergerakan mereka ke satu-satu destinasi pelancongan. Hal ini kerana penawaran harga mungkin tidak memainkan peranan dalam menentukan lokasi yang hendak dikunjungi.

Jadual 2: Kadar Bayaran Yuran Mempengaruhi Hala Tuju Perjalanan Responden?

Pemboleh ubah	Bilangan	Peratus
Ya	105	70%
Tidak	45	30%

Dapatan kajian ini menunjukkan penawaran harga sangat mempengaruhi perjalanan pelancong kerana ia melibatkan jumlah wang yang dikeluarkan. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kadar bayaran yuran yang berbeza mengikut destinasi pelancongan menyebabkan pelancong membuat pilihan untuk menentukan hala tuju destinasi pelancongan mengikut bajet yang diperuntukkan dan tahap perkhidmatan di destinasi pelancongan yang hendak dikunjungi. Ini menunjukkan bahawa pelancong sangat teliti berdasarkan harga yang ditawarkan di destinasi pelancongan. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Alias et al. (2016) yang menjelaskan bahawa pelancong Malaysia sangat sensitif dengan kos dan perubahan harga di destinasi pelancongan. Kenaikan harga akan menyebabkan penurunan kemasukan pelancong kerana terdapat destinasi lain yang menawarkan harga yang lebih murah.

Kriteria Utama yang Diambil Kira oleh Responden dalam Memilih Destinasi Pelancongan

Terdapat lima kriteria yang diteliti dalam menentukan keutamaan responden dalam memilih destinasi pelancongan yang hendak dikunjungi. Hasil kajian menunjukkan seramai 59 orang responden (39.3%) memilih destinasi pelancongan yang belum pernah dikunjungi sebagai kriteria utama dalam penentuan destinasi pelancongan. Seterusnya, seramai 43 orang responden (28.7%) memilih destinasi pelancongan yang tular (*viral*) dalam media sosial sebagai kriteria utama yang dipilih untuk berkunjung ke satu-satu destinasi. Selain itu, seramai 28 orang responden (18.7%) menyatakan bahawa kadar bayaran masuk yang dikenakan adalah kriteria utama yang diambil kira. Manakala seramai 12 orang responden (8%) berkunjung ke suatu destinasi pelancongan adalah secara spontan tanpa rancangan perjalanan yang ditetapkan

oleh keluarga ataupun rakan. Akhir sekali, seramai lapan orang responden (5.3%) bergerak ke suatu destinasi pelancongan mengikut jadual program yang ditetapkan oleh organisasi penganjur semasa menghadiri bengkel, kursus dan sebagainya. Menurut Jabil et al. (2020a), wujud perbezaan dari segi nilai bayaran yuran masuk, aktiviti dan perkhidmatan untuk destinasi terpilih di Kundasang. Hal ini kerana setiap destinasi pelancongan mempunyai ciri-ciri dan keunikan yang tersendiri. Oleh itu, setiap bayaran yang dikenakan perlu berpatutan agar pengguna mendapat kepuasan dan pengalaman yang menyeronokkan ketika melancong serta dapat membantu pihak pengusaha dalam membiayai kos penyelenggaraan premis pelancongan mereka.

Jadual 3: Kriteria Utama yang Diambil kira dalam Memilih Destinasi Pelancongan

Kriteria	Bilangan	Peratus
Destinasi pelancongan yang belum pernah dikunjungi	59	39.3%
Destinasi pelancongan yang tular (<i>viral</i>) dalam media sosial	43	28.7%
Kadar bayaran masuk yang dikenakan	28	18.7%
Rancangan berkunjung secara spontan oleh keluarga dan rakan	12	8.0%
Atas keputusan yang telah ditetapkan oleh organisasi penganjur	8	5.3%


Perjalanan Responden yang Ditentukan oleh Pakej Pelancongan

Dapatan kajian ini menjelaskan tentang perjalanan responden yang ditentukan oleh pakej pelancongan. Dalam bahagian ini, perjalanan responden diteliti dari tiga mode iaitu lokasi sebelum yang merujuk kepada lokasi responden sebelum tiba di lokasi semasa menjalankan soal selidik bersama pengkaji. Seterusnya, lokasi semasa adalah lokasi sewaktu berjumpa dengan pengkaji di destinasi pelancongan dan lokasi selepas adalah lokasi seterusnya yang hendak dikunjungi oleh pelancong. Berdasarkan 150 orang responden yang ditemu bual, seramai 11 orang responden yang menggunakan perkhidmatan pakej pelancongan untuk berkunjung ke Kundasang - Ranau. Ketika kajian dijalankan, tiga orang pelancong berada di Tagal Luanti, empat orang berada di Desa Dairy Farm dan empat lagi berada di Taman Kinabalu. Pengunjung ini terdiri daripada pelancong domestik yang berasal dari negeri Kelantan dan Johor. Ruang keliaran responden dipaparkan dalam Rajah 2 dan Jadual 4.

Jadual 4: Ruang Keliaran Pelancong yang Ditentukan oleh Pakej Pelancongan

Responden	Lokasi		
	Sebelum	Semasa	Selepas
1	Sabah Teh	Tagal Luanti	Arnab Village
2	Sabah Teh	Tagal Luanti	Arnab Village
3	Sabah Teh	Tagal Luanti	Arnab Village
4	War Memorial	Desa Dairy Farm	Strawberry Garden
5	War Memorial	Desa Dairy Farm	Strawberry Garden
6	War Memorial	Desa Dairy Farm	Strawberry Garden
7	War Memorial	Desa Dairy Farm	Strawberry Garden

8	Kota Kinabalu	Taman Kinabalu	Pekan Kundasang
9	Kota Kinabalu	Taman Kinabalu	Pekan Kundasang
10	Kota Kinabalu	Taman Kinabalu	Pekan Kundasang
11	Kota Kinabalu	Taman Kinabalu	Pekan Kundasang



Rajah 2: Ruang Keliaran Pelancong yang Ditentukan oleh Pakej Pelancongan


Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ruang keliaran pelancong yang ditentukan oleh pakej pelancongan hanya tertumpu kepada beberapa tempat sahaja. Hal ini mungkin kerana hanya beberapa destinasi pelancongan sahaja yang termasuk dalam pakej yang ditawarkan oleh agensi pelancongan. Untuk itu, peranan agensi pelancongan adalah relevan dalam menentukan ruang keliaran pelancong di satu-satu destinasi yang dituju.

Perjalanan Responden yang Ditentukan oleh Organisasi atau Institusi

Dapatan kajian ini menjelaskan perjalanan responden yang ditentukan oleh organisasi atau institusi. Organisasi merujuk kepada jabatan kerajaan atau bukan kerajaan yang mengadakan kursus di lokasi kajian. Institusi pula merujuk kepada badan pendidikan seperti sekolah atau universiti yang mengadakan bengkel dan mengadakan sesi lawatan ke destinasi pelancongan. Dalam bahagian ini, perjalanan responden diteliti dari tiga mode lokasi iaitu lokasi sebelum yang merujuk kepada lokasi responden sebelum tiba di lokasi semasa menjalankan soal selidik bersama pengkaji. Seterusnya, lokasi semasa adalah lokasi sewaktu berjumpa dengan pengkaji di destinasi pelancongan dan lokasi selepas adalah lokasi seterusnya yang hendak dikunjungi oleh pelancong. Berdasarkan 150 orang responden yang dikaji, seramai lapan orang responden yang mempunyai perjalanan yang ditentukan oleh organisasi atau institusi (Jadual 5).

Jadual 5: Ruang Pergerakan Responden yang Ditentukan oleh Organisasi / Institusi

Responden	Lokasi		
	Sebelum	Semasa	Selepas
12	Kota Kinabalu	Tagal Luanti	Semporna
13	Kota Kinabalu	Tagal Luanti	Semporna
14	Kota Kinabalu	Tagal Luanti	Semporna
15	Pekan Kundasang	Desa Dairy Farm	Strawberry Garden
16	Pekan Kundasang	Desa Dairy Farm	Strawberry Garden
17	Pekan Kundasang	Desa Dairy Farm	Strawberry Garden
18	Pekan Kundasang	Desa Dairy Farm	Strawberry Garden
19	Pekan Kundasang	Desa Dairy Farm	Strawberry Garden


Rajah 3: Ruang Keluaran Pelancong yang Ditentukan oleh Organisasi / Institusi

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ruang keluaran pelancong yang ditentukan oleh organisasi atau institusi adalah rendah. Jadual 4.14 menunjukkan lima daripada lapan orang adalah terdiri daripada pelajar sekolah yang membuat lawatan sambil belajar. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, aktiviti yang dijalankan sangat baik iaitu memberi pengalaman kepada pelajar untuk meneroka tempat dan persekitaran baharu. Seterusnya, tiga orang responden adalah terdiri daripada penjawat awam yang menjadikan destinasi pelancongan ini sebagai tempat persinggahan sebelum meneruskan perjalanan mereka. Disebabkan banyak destinasi pelancongan yang telah dibangunkan, ia membolehkan pengunjung untuk berehat sebentar kerana ia berkait dengan faktor jarak perjalanan yang jauh (Ramzah & Amriah, 2008). Ini menjadikan destinasi pelancong sebagai tempat persinggahan bukan sahaja dapat berehat, malah dapat memberi pengalaman baharu kepada pengunjung.

Perjalanan Responden yang Ditentukan Secara Persendirian

Dapatan kajian ini menjelaskan perjalanan responden yang ditentukan secara persendirian. Dalam bahagian ini, perjalanan responden turut diteliti dari tiga mode lokasi iaitu lokasi sebelum yang merujuk kepada lokasi responden sebelum tiba di lokasi semasa menjalankan soal selidik bersama pengkaji. Seterusnya, lokasi semasa iaitu lokasi sewaktu berjumpa dengan pengkaji di destinasi pelancongan dan lokasi selepas iaitu lokasi seterusnya yang hendak dikunjungi. Berdasarkan 150 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 131 orang responden (87.3%) adalah menguruskan perjalanan ke sini secara persendirian. Jumlah ini terdiri daripada pelancong antarabangsa, pelancong domestik yang terdiri daripada pelbagai negeri dan pelancong tempatan yang berasal dari Sabah yang berlainan daerah.

Rajah 4: Ruang Keliaran Pelancong yang Ditentukan secara Persendirian



Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ruang keliaran pelancong yang ditentukan secara bersendirian mempunyai lebih pelbagai berbanding ruang keliaran pelancong yang ditentukan oleh agensi pelancongan dan organisasi ataupun institusi. Hal ini kerana pelancong yang mengunjungi sesuatu destinasi secara bersendirian bebas menentukan perjalanan mereka. Dapatan ini disokong oleh Tipologi Pelancong Cohen (1979) yang menjelaskan bahawa pelancong kembara mempunyai kebebasan sepenuhnya untuk menentukan pola perjalanan dan peruntukan masa ketika melancong tanpa terikat dengan sebarang agensi ataupun organisasi. Ini mendorong ruang keliaran yang pelbagai di sekitar destinasi pelancongan yang dilawati.

Kesimpulan

Kesanggupan pelancong untuk membayar di destinasi pelancongan adalah sangat dipengaruhi oleh kadar yuran yang dikenakan kepada pelancong. Selain itu, WTP ini turut dipengaruhi oleh tarikan atau perkhidmatan yang disediakan di destinasi pelancongan. Terdapat juga beberapa kriteria lain yang diambil kira oleh pelancong seperti memilih destinasi pelancongan yang belum pernah dikunjungi, memilih destinasi pelancongan yang tular (*viral*) dalam media sosial, berkunjung secara spontan tanpa rancangan perjalanan yang ditetapkan oleh keluarga ataupun

rakan dan memilih destinasi pelancongan yang ditetapkan oleh organisasi semasa menghadiri bengkel, kursus atau sebagainya. Penemuan yang utama dalam penyelidikan ini adalah wujud saling hubungan antara ruang keliruan pelancong dengan cara pengurusan perjalanan ke satu-satu destinasi sama ada melalui pakej pelancongan, diurus oleh organisasi dan institusi ataupun diuruskan secara persendirian.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Skim Dana NIC (SDN), 2019 bertajuk “Pola Tingkah Laku dan Pemetaan Ruang Keliruan Pelancong Berdasarkan Faktor Kuasa Beli dan Kesanggupan Membayar di Destinasi Pelancongan Terpilih di Negeri Sabah”. Kod geran SDN 0033-2019.

Rujukan

- Alias, A., Aziz, A., Karim, M. S. A. & Isa, S. S. (2016). Local food consumption at ecotourism destination. In Mariapan, M., Isa, S. S., Aziz, N. A. A., Lin, E. L. A & Hakeem, K. R. (Eds.). *Adventure and Ecotourism in Malaysia*, 40-45.
- Cohen, E. (1974). Who is a tourist?: A conceptual clarification. *The Sociological Review*, 22(4), 527-555.
- Cooper, C. (2003). *Progress in tourism research. Classic reviews in tourism*. Clevedon: Channel View Publications, 1-8.
- Hun, S. D. & Anuar Alias. (2014). *Willingness to Pay for Public Ecotourism Services in Malaysia*. Faculty of Built Environment, University of Malaya.
- Jabil Mapjabil, Kasim Mansur, Datu Razali Datu Eranza, Harifah Mohd Noor, Najib Bahari & Nabila Farysha Dering. (2020a). Kadar bayaran dan kesanggupan untuk membayar (WTP) di destinasi pelancongan terpilih di Kundasang-Ranau, Sabah. *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 3 (13), 36 - 52.
- Jabil Mapjabil, Nur Ain Fariza Amin Nordin, Kasim Mansur, Harifah Mohd Noor, Datu Razali Datu Eranza, Siti Aidah Lukin @ Lokin & Nabila Farysha Dering. (2020b). Kesanggupan untuk membayar ke destinasi ekopelancongan hutan paya bakau Taman Negara Johor Tanjung Piai. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 3(7), 36 - 47.
- Krishna, A. (1991). Effect of dealing patterns on consumer perceptions of deal frequency and willingness to pay. *Journal of Marketing Research*, 28(4), 441-451.
- Maslow, A. H. 1943. A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370-396.
- Mohd Azamrul Harun (2017). Kesanggupan pengunjung membayar untuk aktiviti dan meyumbang kepada tabung pemuliharaan di Taman Negara Endau-Rompin. Sarjana Sains Perancangan Pelancongan (tidak diterbitkan). Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia.
- Musa, F., Fozi, N. M. & Mhd, D. D. (2020). Coastal communities' willingness to pay for mangrove ecotourism in Marudu Bay, Sabah, Malaysia. *Journal of Sustainability Science and Management*, 15(4), 130-140.
- Nor Afiza Abu Bakar, Alias Radam, Zaiton Samdin, Mohd Rusli Yacob. (2016). Willingness to Pay in Kubah National Park and Matang Wildlife Centre: A Contingent Valuation Method, *International Journal of Business Society*, 17(1),131-144.
- Nur Faizah Mohd Noor. (2011). Kesanggupan membayar pengunjung terhadap pemuliharaan ekopelancongan di Taman Georimba Kilim Karst, Pulau Langkawi, Malaysia.(Thesis Sarjana Muda) Universiti Putra Malaysia.

- Pragaya, P. (2017). Estimating the value of beach recreation for locals in the great barrier reef marine park, Australia. *Econ. Anal. Policy*, 53, 9-18.
- Rodella, I., Madau, F., Mazzanti, M., Corbau, C., Carboni, D., Utizi, K. & Simeoni, U. (2019). Willingness to pay for management and preservation of natural, semi-urban and urban beaches in Italy. *Ocean. Coast. Manag.*, 172, 93-104.
- Sobhee, S. K. (2008). Tourist's Willingness to pay and sustainable tourism policies in Mauritius. *International Review of Business Research Papers*, 4(3), 178-191
- Sofyan Syahnur & Herlina (2015). Visitors' willingness to pay for local tourist attractions in Sabang basedon Travel Cost Method. *IJABER*, 13(7), 5677-5701.
- Wenjing, P. (2013). Study on the willingness to pay the tourists in the ecological environment protection of Huashan Scenic Spot. *Modern Management Forum*, 1, 1-10.
- Witt, B. (2019). Tourist's willingness to pay increase entrance fees at Mexican Protected Areas: A Multi-site contingent valuation study. *Sustainability*, 11(3041), 1-22.